

24/03/2004

Pemimpin terbaik dalam Kabinet

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin mengangkat sumpah jawatan dan sumpah menyimpan rahsia sebagai Perdana Menteri, setelah rakyat memberi mandat baru kepadanya untuk mengetuai pentadbiran negara. Tugas utamanya sekarang ialah melantik barisan anggota Kabinet bagi membantunya menjalankan tugas untuk membawa rakyat dan negara ke arah Cemerlang, Gemilang dan Terbilang, sebagaimana dinyatakan pada tema manifesto kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mendapat sokongan padu rakyat. Walaupun pilihan raya sudah berakhir dan BN menang besar, perjuangan untuk membangunkan rakyat masih belum selesai. Pelbagai usaha dan tenaga perlu digembleng untuk memenuhi tuntutan rakyat dan pada masa sama menghadapi rencam globalisasi.

Kita yakin Abdullah akan dapat menampilkan barisan Kabinet yang berwawasan dan bekerja keras demi memastikan kemakmuran dan kestabilan negara. Dengan kemenangan 198 kerusi Parlimen dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 Ahad lalu, rakyat memberi kepercayaan kepada Perdana Menteri untuk membentuk sebuah kerajaan yang baru berasaskan kepada semangat baru untuk maju. Kemenangan dalam pilihan raya diikuti pembentukan kerajaan baru menandakan bahawa kerajaan yang mentadbir negara adalah sebuah kerajaan pimpinan Abdullah, setelah mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, Oktober tahun lalu.

Walaupun ramai yang layak untuk menjawat jawatan menteri, timbalan menteri atau setiausaha Parlimen, mustahil bagi Abdullah untuk memilih semuanya. Dengan memberi penuh kepercayaan kepada beliau berpandukan kepada hak memilih yang diberikan kepadanya, kita percaya beliau akan melantik pemimpin terbaik untuk membantunya bekerja bersama rakyat. Perdana Menteri tentulah mempunyai keutamaan dan budi bicaranya tersendiri dalam membuat penilaian dan pemilihan. Bagi yang tidak diberi peluang untuk menjawat sebarang jawatan kali ini, mereka perlulah menjadi wakil rakyat yang diterima rakyat. Bagi yang baru dipilih menjadi wakil rakyat, mereka perlulah menunjukkan kemampuan terlebih dulu sebelum diberi peluang untuk bertapak lebih jauh. Di negeri-negeri, selain Kelantan yang diterajui kerajaan Pas dan Sabah yang masih mengikut proses penggiliran ketua menteri, Abdullah juga akan menentukan bakal menteri besar dan ketua menteri. Kepemimpinan negeri pula akan melantik anggota Exco untuk membantu mereka menguruskan pentadbiran negeri.